

12 MAY 2003

Schroeder-Sambutan/I

CANSELOR JERMAN DIBERI SAMBUTAN RASMI

PUTRAJAYA, 12 Mei (Bernama) -- Canselor Jerman Gerhard Schroeder diberikan sambutan rasmi di Dataran Perdana, di Pejabat Perdana Menteri, di sini pagi ini.

Schroeder, yang diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kemudiannya memeriksa kawalan kehormatan oleh Rejimen Askar Melayu Diraja selepas lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan.

Turut hadir pada majlis sambutan rasmi itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beberapa menteri kabinet, diplomat dan pegawai-pegawai kerajaan.

Schroeder, yang mengetuai delegasi 17 anggota, tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi tiga hari, iaitu persinggahan pertama beliau dalam siri lawatannya ke Asia Tenggara.

Beliau merupakan Canselor Jerman yang pertama melawat Malaysia.

Selain Malaysia, Schroeder juga dijadualkan singgah di Singapura, Indonesia dan Vietnam.

Selepas majlis sambutan rasmi, Schroeder mengadakan pertemuan ringkas dengan Dr Mahathir sebelum menghadiri mesyuarat delegasi di Pejabat Perdana Menteri.

Rombongan Canselor itu terdiri daripada Menteri Ekonomi dan Buruh, Wolfgang Clement dan Pengerusi Jawatankuasa Industri Jerman Bagi Asia Pasifik, Heirich von Pierer.

Schroeder juga akan menerima kunjungan hormat Timbalan Perdana Menteri di Hotel Shangri-la petang ini.

-- BERNAMA

SR MAS DC ROS